



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENILAIAN PROGRAM INTERVENSI TAMBAH OPSYEN (PITO) DALAM
KALANGAN GURU SEJARAH BUKAN OPSYEN
DI SEKOLAH MENENGAH**

MOHD NORLIZAM BIN MOHD RAZALI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala pujian dan syukur kepada Allah S.W.T atas rahmat dengan limpah dan izinnya telah memudahkan untuk saya menyiapkan disertasi ini serta memberikan saya pengalaman yang cukup berharga untuk mendalami dan memungut ilmu Allah yang begitu luas untuk saya pelajari. Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Dr. Hajah Eftah binti Haji Moh@Abdullah selaku penyelia yang banyak memberi bimbingan, nasihat, tunjuk ajar, kesabaran, dorongan, cetusan idea, dan mencerahkan ilmu tanpa jemu serta sokongan dalam proses saya menyiapkan kertas kerja ini. Ucapan dan jutaan terima kasih juga kepada Dekan Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (FPPM) iaitu Profesor Dr. Amir Hasan Dawi, panel pakar penilai instrumen penilaian ini Profesor Emeritus Dr. Othman bin Lebar dan Dr. Norhasnida Md Ghazali.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri, guru-guru yang terlibat serta rakan-rakan yang banyak membantu iaitu Ismail dan Faisal yang sentiasa menghulurkan bantuan dan sumbangan idea-idea bernas dalam proses menyiapkan kajian ini.

Penghargaan yang tidak terhingga dari hati naluri saya juga buat isteri tercinta Tunku Aidayuhanna binti Raja Mafuzin, ibu Normah binti Salleh, ayah Mohd Razali bin Elias serta adik-adik yang sentiasa membantu dan panjatkan doa kepada Ilahi. Teristimewa juga untuk permata hati saya iaitu Tunku Nur Qaleysya Mohd Norlizam, Muhammad Qaleef Ashman Mohd Norlizam dan Nur Qayreen Elhanis Mohd Norlizam yang sentiasa bersabar, mendoakan, dan memahami suka duka dan menjadi inspirasi untuk saya menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa kalian sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyiapkan penyelidikan ini. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sedikit sumbangan kepada ilmu pendidikan di Malaysia khususnya. Amin.





ABSTRAK

Kajian ini adalah bertujuan menilai Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) dalam kalangan guru Sejarah bukan opsyen di sekolah menengah dengan menggunakan model penilaian CIPP. Pengesahan instrumen penilaian menggunakan model pengukuran Rasch. Pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk tinjauan telah digunakan dalam penilaian ini. Pemilihan subjek penilaian dijalankan secara *census sampling* iaitu melibatkan 247 orang guru bukan opsyen yang pernah mengikuti PITO Sejarah dari tahun 2011-2013 seluruh negara. Instrumen penilaian yang digunakan ialah borang soal selidik. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif dan inferensi. Analisis deskriptif menjelaskan sumber, aktiviti dan tahap kepuasan pengajaran guru, manakala statistik inferensi pula melibatkan ujian-t dan ANOVA yang menerangkan perbezaan dalam pembolehubah penilaian. Hasil penilaian menunjukkan bahawa sumber yang digunakan dalam PITO dan aktiviti yang dijalankan dalam PITO menyumbang ke arah peningkatan pengetahuan dalam mata pelajaran Sejarah dan kemahiran guru dalam PdP Sejarah. Dapatkan penilaian juga menunjukkan tahap kepuasan guru bukan opsyen meningkat setelah mengikuti PITO Sejarah ini. Analisis ujian-t yang dijalankan juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru berdasarkan jantina dan tempoh perkhidmatan guru. Manakala ujian ANOVA juga menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan dalam min tahap kepuasan pengajaran guru berdasarkan jantina dan pengalaman mengajar dalam mata pelajaran Sejarah. Implikasi penilaian ini menunjukkan guru-guru bukan opsyen Sejarah yang telah mengikuti PITO Sejarah ini telah menguasai pelbagai pengetahuan dan kemahiran berkaitan dengan perancangan, pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah, selain itu juga meningkatkan tahap kepuasan guru dalam melaksanakan pdp Sejarah di bilik darjah dari segi peningkatan minat guru terhadap Sejarah, peningkatan kepakaran dalam pdp, peningkatan kemahiran dan perubahan tingkah laku murid kearah yang lebih positif terhadap mata pelajaran Sejarah. Kesimpulan menunjukkan PITO Sejarah telah dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kepuasan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah.

Keywords: Program intervensi tambah opsyen (PITO), model penilaian CIPP, model pengukuran rasch, ujian-t, anova.





INTERVENTION PROGRAM IMPACTS ADD OPTIONS (PITO) HISTORY IS NOT AMONG TEACHERS IN SECONDARY OPTIONS

ABSTRACT

This research aims to evaluate the Program of Intervention Add Option (PITO) among non option history teachers in secondary school based on the CIPP. The verification of the assessment instrument is conducted using Rasch measurement model. Quantitative approach with survey design was used in this study. The selection of subjects was conducted by census sampling involving 247 non-option teachers who had attended PITO History from 2011-2013 throughout the country. Data were analyzed using descriptive and inferential analysis. Descriptive analysis describes the resources, activities and teaching satisfaction, while t-test and ANOVA used to explain the differences in the variables. The results of the evaluation show that the resources used and the activities carried out in PITO contribute to the improvement of content knowledge of history and teachers' skills in teaching. The findings also indicate at the level of satisfaction among teacher has increased. T-test analysis also shows no significant difference between teaching and learning skills of teachers by gender and duration of service. While the analysis of ANOVA tests show no significant difference between the mean level of satisfaction of teachers according to gender and teaching experience. The implications of this assessment show are non option history teachers that has followed PITO History has mastered various knowledge and skills related to planning, teaching and learning of the History subject, as well as improving the level of teacher satisfaction in teaching and learning History in the classroom in terms of increased teacher interest in History, increasing expertise in teaching and learning, the improvement of skills and behavioral change of students towards a more positive attitude towards the History subject. As a conclusion, the PITO History has improved the knowledge, skills and satisfaction of teachers in teaching and learning.

Keywords: intervention program plus options (PITO), CIPP evaluation model, Rasch measurement model, t-test, ANOVA.





KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI SINGKATAN	xviii



BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latarbelakang	7
1.3	Penyataan Masalah	15
1.4	Kerangka Konsep	26
1.5	Objektif Kajian	27
1.6	Persoalan Kajian	28
1.7	Kepentingan Kajian	29
1.8	Limitasi Kajian	32
1.9	Definisi Operational/ Istilah	33
1.9.1	Penilaian	33





1.9.2	Impak	34
1.9.3	Guru bukan opsyen Sejarah	35
1.9.4	Konteks	35
1.9.5	Input	36
1.9.6	Sekolah Menengah	36
1.11	Kesimpulan	37

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	39
2.2	Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)	41
2.3	Standard Program Intervensi Tambah Opsyen KPM	44
2.4	Profesionalisme Guru Sejarah	46
2.4.1	Berpengetahuan Dalam Pedagogi Sejarah	47
2.4.2	Kepelbagai Strategi Pengajaran	48
2.4.3	Kemahiran Komunikasi Guru	50
2.4.4	Personaliti Guru	51
2.4.5	Keyakinan Guru	52
2.5	Kepentingan Opsyen Kepada Guru Sejarah	53
2.6	Kepentingan Latihan Profesional Kepada Guru	55
2.7	Ciri-ciri Latihan Yang Berkesan	59
2.8	Penilaian Program Latihan	63
2.9	Kaedah Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah	69
2.10	Kepentingan Penguasaan Guru Dari Aspek Kemahiran Dalam Mata Pelajaran Sejarah	75





2.11	Kekurangan Guru Opsyen Sejarah	81
2.12	Keberkesanan Pengajaran Mata Pelajaran Sejarah	83
2.13	Kepuasan Kerja	86
2.13.1	Budaya Kerja	87
2.13.2	Keadaan Tempat Kerja	89
2.13.3	Kriteria Kerja	91
2.13.4	Penyeliaan	92
2.13.5	Motivasi	94
2.13.6	Pengalaman Kerja	96
2.13.7	Tekanan Kerja	97
2.13.8	Kepelbagaian Kemahiran	98
2.13.9	Kepentingan Kerja	99
2.13.10	Latihan	101
2.13.11	Kepentingan Kepuasan Kerja	102
2.14	Teori Kepuasan Kerja	103
2.14.1	Teori dua Faktor Herzberg (1959)	103
2.14.2	Teori Hackman & Oldham (1975)	105
2.14.3	Teori Argyle (1972)	105
2.15	Kepuasan Pengajaran Guru	107
2.16	Model-model Penilaian	112
2.16.1	Model Penilaian Kirkpatrick (1976)	113
2.16.2	Model Penilaian Rasional (1950)	114
2.16.3	Model Penilaian Responsif Robert Stakes (1967)	116





2.16.4	Model CIPP Stufflebeam (1967)	118
2.17	Justifikasi Pemilihan Model CIPP Stufflebeam (1967)	129
2.18	Kajian Lepas Tentang Penilaian Program	132
2.19	Rumusan	137

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	138
3.2	Reka Bentuk Kajian	139
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	140
3.4	Instrumen Kajian	143
3.4.1	Proses Pembinaan Soal Selidik	144
3.4.2	Kandungan Soal Selidik	147
3.5	Jadual Spesifikasi Item (JSI)	149
3.6	Kajian Rintis	151
3.6.1	Kesahan Instrumen	152
3.6.2	Kebolehpercayaan Instrumen	154
3.7	Validasi Instrumen	155
3.8	Dapatan Rintis	160
3.9	Validasi Instrumen	171
3.9.1	Langkah 1	172
3.9.2	Langkah 2	173
3.9.3	Langkah 3	174





3.10	Teknik Penganalisaan Data	174
	3.10.1 Analisis Deskriptif	174
3.11	Kesimpulan	175

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	178
4.2	Profil Responden Kajian	179
4.3	Konteks Pito Sejarah	183
4.4	Input	186
	4.4.1 Apakah Tahap Pengetahuan Berhubung Objektif Pengajaran dan Pembelajaran (Pdp) Mata Pelajaran Sejarah.	186
	4.4.2 Apakah Tahap Kemahiran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Mata Pelajaran Sejarah	190
4.5	Proses	193
	4.5.1 Apakah Aktiviti-Aktiviti Dalam PITo Yang Menyumbang Pengetahuan Guru Dalam Merancang PdP	193
	4.5.2 Apakah Aktiviti-Aktiviti Dalam PITo Yang Menyumbang Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan PdP	198
4.6	Produk	202
	4.6.1 Apakah Tahap Kepuasan Guru Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP)	202
4.12	Kesimpulan	206



**BAB 5 RINGKASAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN**

5.1	Pengenalan	208
5.2	Rumusan Kajian	209
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	215
	5.3.1 Keberhasilan 1 : Pengkaedahan, Pentaksiran dan Kurikulum Mata Pelajaran Sekolah	215
	5.3.2 Keberhasilan 2 : Kemahiran Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran	217
	5.3.3 Keberhasilan 3 : Pengetahuan Kandungan Mata Pelajaran	220
5.4	Implikasi Terhadap Impak Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Dalam Kalangan Guru Bukan Opsyen Sejarah Di Sekolah Menengah	222
5.5	Cadangan Kajian	224
5.6	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	227
5.7	Sumbangan Kajian	228
5.8	Rumusan	229
	RUJUKAN	230
	LAMPIRAN	





SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
2.1	Perbezaan antara Faktor Motivator dan Faktor Hygiene 105
2.2	Perbandingan Antara Model-model Penilaian 130
3.1	Bilangan Populasi Sampel 142
3.2	Protokol Temubual Bagi Asas Pembinaan Transkrip Temubual Soal Selidik 147
3.3	Ringkasan Kandungan Soal Selidik 149
3.4	Jadual spesifikasi (item matrik) soal selidik 151
3.5	Pekali Alpha Cronbach 155
3.6	Analisis Statistik Berdasarkan Persoalan Kajian 156
3.7	Kandungan Skala Pengukuran Soal Selidik PITO 161
3.8	Kriteria bagi kesahan item Soal selidik 162
3.9	Interpretasi Skor Alpha Cronbach 163
3.10	Nilai Kebolehpercayaan dan Pengasingan Responden Bagi Keseluruhan Konstruk Instrumen : Kajian Rintis 164
3.11	Nilai Kebolehpercayaan dan Pengasingan Item Bagi Keseluruhan Konstruk Instrumen : Kajian Rintis 165
3.12	Nilai Kebolehpercayaan bagi Setiap Konstruk 165
3.13	Nilai Point Measure Corelation 169
3.14	Ringkasan Item yang Di Murnikan dan Dikekalkan 171
3.15	Skor Min dan Interpretasi 175
3.16	Interpretasi Sisihan Piawai 176





4.1	Profil Responden Kajian	181
4.2	Keperluan PITO Sejarah	184
4.3	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Pengetahuan Berhubung Objektif Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Mata Pelajaran Sejarah Guru Yang Mengikuti Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)	188
4.4	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kemahiran Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran (Pdp) Mata Pelajaran Sejarah Guru Yang Mengikuti Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)	192
4.5	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti-Akiviti Dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Yang Menyumbang Pengetahuan Guru Dalam Merancang Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah	196
4.6	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Aktiviti-Akiviti Dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Yang Menyumbang Kemahiran Guru Dalam Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah	201
4.7	Skor Min Dan Sisihan Piawai Bagi Tahap Kepuasan Guru Melaksanakan Pengajaran Dan Pembelajaran (PdP) Mata Pelajaran Sejarah Setelah Mengikuti Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)	206
5.1	Ringkasan Dapatan Kajian (Dapatan Kajian)	217





SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka Konseptual Penilaian	26
2.1 Dimensi Model CIPP	120
3.1 Ringkasan Proses Pembinaan Soal Selidik	145
3.2 Taburan Responden dan Item bagi Soal Selidik PITO Sejarah Pada Logit	166





SENARAI SINGKATAN

IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
IPTA	Institut Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institut Pendidikan Tinggi Swasta
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PDP	Pembelajaran dan Pengajaran
PITO	Program Intervensi Tambah Opsyen
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah





SENARAI LAMPIRAN

- A Borang Soal Selidik Kajian
- B Surat Kebenaran Menjalakan Kajian UPSI
- C Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
- D1 Surat Kebenaran JPN Perak Menjalankan Kajian
- D2 Surat Kebenaran JPN Kelantan Menjalankan Kajian
- D3 Surat Kebenaran JPN Kedah Menjalankan Kajian
- D4 Surat Kebenaran JPN Sabah Menjalankan Kajian
- D5 Surat Kebenaran JPWP Kuala Lumpur Menjalankan Kajian
- D6 Surat Kebenaran JPN Selangor Menjalankan Kajian
- D7 Surat Kebenaran JPWP Putrajaya Menjalankan Kajian
- D8 Surat Kebenaran JPWP Labuan Menjalankan Kajian
- D9 Surat Kebenaran JPN Pulau Pinang Menjalankan Kajian
- D10 Surat Kebenaran JPN Sarawak Menjalankan Kajian
- D11 Surat Kebenaran JPN Perlis Menjalankan Kajian
- D12 Surat Kebenaran JPN Pahang Menjalankan Kajian
- D13 Surat Kebenaran JPN Johor Menjalankan Kajian
- D14 Surat Kebenaran JPN Melaka Menjalankan Kajian
- D15 Surat Kebenaran JPN Terengganu Menjalankan Kajian
- D16 Surat Kebenaran JPN Negeri Sembilan Menjalankan Kajian
- E1 Surat Lantikan Sebagai Penilai Pakar Kesahan Instrumen 1





- E2 Surat Lantikan Sebagai Penilai Pakar Kesahan Instrumen 2
- F1 Laporan Semakan Pakar 1 Terhadap Instrumen
- F2 Laporan Semakan Pakar 2 Terhadap Instrumen
- G Analisis kebolehpercayaan dan pengasingan item-responden
- H Analisis Taburan Responden dan Kesahan Respon responden
- I Analisis polarity item yang mengukur konstruk
- J Analisis Kesesuaian (fit) item
- K1 Skrip Temuduga Responden 1
- K2 Skrip Temuduga Responden 2
- K3 Skrip Temuduga Responden 3
- K4 Skrip Temuduga Responden 4
- K5 Skrip Temuduga Responden 5





BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Pembentukan modal insan dalam melahirkan pemikiran minda kelas pertama adalah merupakan tunjang negara ke arah mencapai Wawasan 2020 yang telah dilancarkan oleh Tun Mahathir Mohamad. Modal insan ini adalah bermaksud individu atau generasi yang menjadi pemangkin dalam mendepani cabaran-cabaran yang pada abad ke-21. Kualiti pendidikan negara adalah merupakan teras ke arah pembentukan modal insan yang berkualiti. Oleh itu, Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) yang telah dilaksanakan pada tahun 2006-2010 ini lebih bersifat holistik, progresif, bermoral dan berhasrat menjadikan sistem pendidikan Malaysia bertaraf dunia. Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 yang telah dirasmikan oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi bertarikh 16 Januari 2007 di Pusat





Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Dalam pelan pendidikan tersebut terdapat enam teras yang telah diperkenalkan dalam meningkatkan mutu pendidikan Malaysia. Teras yang digariskan iaitu teras pertama membina negara bangsa, teras kedua adalah membangunkan modal insan, teras ketiga pula adalah memperkasakan sekolah kebangsaan, teras keempat adalah merapatkan jurang pendidikan, teras kelima ialah memartabatkan profesion keguruan dan teras keenam ialah melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan.

Berdasarkan teras ke lima dalam PIPP 2006-2010 yang bermatlamat memartabatkan profesion keguruan, selaras dengan cabaran masa kini untuk memastikan profesion keguruan menjadi suatu kerjaya yang dihormati sesuai dengan tuntutan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dalam membentuk modal insan

yang cemerlang adalah menuntut peranan guru sebagai agen perubahan serta sumber inspirasi untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Menurut Mohammad Sani Ibrahim dan Zuraidah Majid (2002) tuntutan semasa masyarakat tidak hanya menekankan kepada tahap keupayaan guru dari segi ilmu pengetahuan dan kemahiran guru sahaja, tetapi mereka juga melihat dari aspek keberkesan pembelajaran murid melalui variasi kaedah pengajaran guru yang mampu memberi impak ke atas pembelajaran murid antara perkara yang dilihat sebagai keperluan kepada guru iaitu berkaitan dengan kemampuan guru dalam mempelbagaikan teknik pengajaran serta pendekatan-pendekatan yang bersesuaian dalam pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan serta mampu mengadaptasi segala ruang perubahan dari aspek kurikulum, teknologi dan istilah-istilah baharu dalam pendidikan. Usaha memartabatkan profesion keguruan bertumpu kepada program dan aktiviti memantapkan kualiti pembelajaran dan pengajaran. Berdasarkan pelan ini juga ia dapat memastikan kualiti pembelajaran murid





tidak terjejas akibat dari kekurangan guru dan pengajaran guru yang tidak mengikut bidang. Kementerian Pendidikan Malaysia (2006) akan berusaha untuk memastikan semua jawatan guru sekolah diisi mengikut kuota dan penempatan guru-guru baru mengikut opsyen yang diperlukan sekolah.

Walaupun dasar PIPP (2006-2010) telah menetapkan hasrat agar kekurangan guru dapat diatasi di bawah pelan ini. Tetapi data dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 26 April 2010 telah menunjukkan berlaku kekurangan atau salah padanan guru dalam opsyen Sejarah iaitu seramai 1,321 orang seluruh negara. Perkara di atas merujuk kepada guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah tidak memiliki opsyen dalam mata pelajaran Sejarah, guru-guru yang mengajar mata pelajaran Sejarah ini terdiri dari guru dari pelbagai bidang. Fenomena salah padanan atau kekurangan guru ini disebabkan oleh pelbagai faktor antaranya dalam opsyen atau bidang Sejarah. Ia telah bermula dari masalah penempatan guru di sekolah menengah dan perkara yang sering dimaklumkan adalah guru di tempatkan tanpa mengikut keperluan opsyen sekolah. Masalah ini akan menjadi lebih kritikal apabila calon guru yang sedang dilatih di IPTA bagi mata pelajaran Sejarah juga berkurangan. Menurut Omar Hashim (2003) masalah kekurangan guru adalah bukan perkara baru dalam sistem pendidikan, perkara ini perlu di beri tumpuan oleh pihak yang berkepentingan, guru dibekalkan mengikut keperluan yang telah ditetapkan melalui Surat Pekeliling 3/67 berkaitan bilangan guru yang sepatutnya diterima oleh sekolah.





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memandang serius hal ini dan berusaha mengatasi isu salah padanan dan kekurangan guru opsyen Sejarah ini. Dalam Sesi Perbincangan Profesional Guru di Makmal NKRA (*National Key Results Area*) KPM pada 2 Mac 2010, bagi isu peningkatan kualiti guru, dan hasil perbincangan dalam makmal tersebut telah memutuskan supaya satu program intervensi jangka pendek diadakan. Program intervensi ini adalah bertujuan dapat mengatasi isu salah padanan opsyen bagi guru yang mengajar bukan opsyen berikutan terdapat ramai guru yang sedang mengajar mata pelajaran bukan opsyen. Masalah wujud adalah disebabkan oleh guru bukan opsyen yang tidak mampu memberi pengajaran yang berkualiti kerana guru bukan opsyen ini tidak memiliki pengetahuan dalam isi kandungan pelajaran yang mereka ajar dan di luar bidang pengkhususannya. Penyataan tersebut disokong dalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Norani, Chang Lee Jon dan Wan Asmah dalam

“Profesionalisme Guru Baru di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak pada tahun 1991 – 1995. Hasil kajian mendapati guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen adalah kerana diarah oleh pentadbir dengan alasan tiada guru opsyen Perkara ini menunjukkan kelemahan guru tersebut kerana mengajar tanpa pengetahuan dan kemahiran yang tinggi.

Makmal Kualiti Guru (TQL) di bawah bidang keberhasilan Utama Nasional (NKRA) pada 02 April 2010 telah menetapkan inisiatif bagi Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) sebagai satu langkah jangka pendek bagi mengurangkan isu guru yang tidak mengajar mata pelajaran yang telah dilatih. TQL telah mencadangkan bahawa program jangka pendek tambah opsyen ini dilaksanakan di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sasaran inisiatif ini adalah untuk mengurangkan salah padanan daripada 20% ke 10% menjelang 2015. Susulan dengan itu Mesyuarat Profesional KPM





Bil.5/2010 pada 28 April 2010 telah meluluskan pelaksanaan PITO. Program ini bermatlamat menyelesaikan isu ‘*mismatch*’ dan masalah berkaitan lebihan guru opsyen sains tulen di sekolah menengah yang sedia ada dalam perkhidmatan.

Hasil dari TQL tersebut Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) telah dicadangkan dalam mengatasi salah padanan guru ini. PITO adalah merupakan program yang memberi pendedahan dalam kandungan mata pelajaran baru dan juga memberi label opsyen tambahan kepada guru-guru yang mengajar bukan mengikut opsyen. Guru akan didedahkan dengan ilmu berkaitan kurikulum dan pedagogi mata pelajaran baru. IPTA adalah merupakan penyedia latihan dalam melatih guru bukan opsyen ini. Mesyuarat *Pre-Council* Penyelarasan Latihan Guru Bersama Majlis Dekan IPTA pada 5 Julai 2010 mencadangkan agar PITO ini diadakan hanya kepada guru dalam perkhidmatan sahaja. Pihak IPTA secara dasarnya telah bersetuju membantu KPM mengendalikan program ini. Dalam perbincangan bersama di antara IPTA dan KPM telah memutuskan untuk melatih guru menguasai kandungan mata pelajaran opsyen baru kursus selama 12 minggu adalah diperlukan bagi membekalkan input yang mencukupi kepada guru bukan opsyen. Tujuan utama program ini adalah bagi meningkatkan kualiti guru bukan opsyen, meningkatkan pencapaian murid yang diajar dan mengurangkan isu salah padanan guru. Program PITO telah dilaksanakan bermula 2011-hingga kini.

Berdasarkan penyataan di atas pelaksanaan program ini adalah bertujuan memastikan peningkatan kualiti guru dari aspek pengetahuan dan kemahiran guru dalam bidang yang baru. Dalam kajian ini penyelidik hanya memfokuskan terhadap PITO bagi mata pelajaran Sejarah sahaja. Oleh yang demikian penyelidik ingin





melaksanakan penilaian ke atas program ini bagi melihat impak PITO Sejarah hanya terhadap hasil kepada guru. Perkara yang ingin dikenal pasti oleh penyelidik dalam menilai impak PITO Sejarah ini adalah berkenaan dengan mengenal pasti PITO sebagai sumber dalam membantu guru dalam pengajaran dan pelajaran Sejarah, input yang digunakan dalam PITO mampu meningkatkan pengetahuan guru berdasarkan objektif kandungan mata pelajaran Sejarah dan kemahiran pengajaran guru dalam bilik darjah. Manakala aspek yang akan dinilai adalah aktiviti dalam PITO ini yang dapat meningkatkan pengetahuan guru dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah dan yang terakhir dalam penilaian ini merujuk kepada kepuasan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (pdp) mata pelajaran Sejarah setelah mengikuti PITO.

Gage dan berliner (1975) menyatakan penyelidikan merupakan kajian yang

sistematis dalam melihat hubungan kait di antara pemboleh ubah-pemboleh ubah yang wujud dalam kajian dan menentukan bagaimana perkaitan itu berlaku. Berdasar pernyataan tersebut penyelidik telah mengenal pasti pemboleh ubah yang terdapat dalam kajian ini iaitu pemboleh ubah bebas ialah Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang akan dikaji. Manakala pemboleh ubah bersandar yang akan dikaji dalam kajian ini adalah pengetahuan berhubung objektif mata pelajaran Sejarah, kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran Sejarah, pengetahuan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sejarah dan kepuasan pengajaran guru dalam pdp. Dalam memastikan proses penilaian ini lebih teratur dan terancang penyelidik menggunakan model teori penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*) yang telah diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam dalam menjalankan Penilaian Impak PITO dalam kalangan guru Sejarah bukan opsyen di sekolah menengah.





1.2 Latar Belakang Kajian

Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dalam teras keenam telah memfokuskan aspek memartabatkan profesion keguruan. Dalam elemen ini juga faktor pengajaran mengikut bidang sangat dititik beratkan dalam memastikan pengajaran guru yang berkualiti. Menurut Ingersoll (2011) guru yang telah di tempatkan bagi mengajar di sekolah menengah seharusnya memiliki pengetahuan tentang pendidikan dan mereka telah dilatih dalam pengkhususan mata pelajaran yang akan diajar di sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melihat bahawa kepentingan pengajaran mengikut opsyen adalah merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam meningkatkan kualiti guru dalam aspek peningkatan pengetahuan dan kemahiran pengajaran dan pembelajaran guru dalam bilik darjah.



Setelah pelaksanaan PIPP (2006-2010) Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang bermula tahun 2013 hingga 2025. Dalam pelan yang dilancarkan ini terdapat 11 anjakan yang ditumpukan oleh kementerian. Transformasi keguruan sebagai profesi pilihan adalah salah satu daripada sebelas (11) anjakan untuk Transformasi dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang baru. Dalam anjakan ini kerajaan telah meletakan anjakan 4 adalah menumpukan peningkatan kualiti CPD (*Continuous Professional Development*) atau Pembangunan Profesionalisme Berterusan mulai 2013. Hasrat kementerian dalam anjakan ini adalah setiap guru mempunyai minat dalam meneruskan peningkatan kualiti diri melalui pembelajaran kendiri, kursus/program dan latihan-latihan dalam dengan lebih menumpukan ke atas aspek keperluan individu dan latihan berasaskan sekolah. Menurut Roslee Talip (2012)





dalam keberkesanan dalam pembentukan sekolah cemerlang dan mutu kualiti akademik pelajar meningkat adalah menjadi satu keperluan dalam menambahbaikkan kualiti profesionalisme guru secara berterusan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran bagi menghasilkan pencapaian yang cemerlang kepada pelajar (Roslee Talib, 2012). Penyataan tersebut bersetuju bahawa langkah kementerian dalam menumpukan aspek peningkatan profesionalisme dalam menghasilkan kecemerlangan murid. Perkara ini dilihat adalah pendekatan kementerian dalam memastikan guru berkemampuan dalam mempertingkatkan mutu dan kualiti diri selaras dengan perkembangan terkini.

Kini Malaysia sedang berusaha dengan gigih untuk mencapai status ke arah negara maju menjelang tahun 2020. Sebagai contoh, untuk mencapai misi tersebut, Rancangan Malaysia ke-10 telah menggariskan beberapa strategi untuk mengoptimumkan sumber negara secara kolektif bagi meningkatkan daya saing ekonomi di peringkat global. Generasi muda kini adalah merupakan aset dan pemangkin dalam menjana ke arah pembangunan menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi. Kualiti pengajaran merupakan penyumbang kepada pencapaian murid. Pencapaian murid adalah terkesan dari mutu pengajaran guru. Menurut penyataan dari Atan Long (1980) guru memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha menarik minat murid terhadap mata subjek yang diajar seterusnya meningkatkan pencapaian murid dalam mata pelajaran tersebut. Penyataan tersebut jelas menyatakan bahawa pencapaian murid adalah hasil dari peranan guru.

Mata pelajaran Sejarah ini di gubal bermula zaman pentadbiran British. Pelbagai usaha telah dirancang dalam melaksanakan satu dasar pendidikan kebangsaan, agar dengan adanya dasar pendidikan ini dapat mengeratkan lagi perpaduan kaum dan





dapat menentukan arah tuju negara. Namun pada masa itu mata pelajaran Sejarah tidak bersifat mata pelajaran teras tetapi pada zaman pentadbiran British telah menggunakan dasar pendidikan mereka yang mana pembelajaran adalah mengikut aliran kaum masing-masing. Berlaku perubahan demi perubahan dalam sistem pendidikan bermula tahun 1918 khususnya dalam mata pelajaran Sejarah kerana sistem pendidikan sebelum itu mencetuskan pelbagai reaksi yang tidak berpuas hati kerana perbezaan tersebut. Perubahan-perubahan tersebut akhirnya memberi reaksi yang semakin baik, mata pelajaran Sejarah pada awalnya dikenali sebagai Tawarikh dan kemudian telah ditukarkan kepada Sejarah dan diguna hingga kini. Mata pelajaran Sejarah merupakan ilmu yang menumpukan ke arah pemupukan semangat cintakan negara, jati diri yang tinggi sebagai rakyat Malaysia dan sekali gus mendedahkan pelajar kepada sejarah-sejarah dunia. Menurut Zainal Abidin Wahid (1972) Sejarah juga merupakan 'jambatan' yang menghubungkan kebudayaan, nilai dan perubahan-perubahan yang dicapai oleh generasi lalu dengan yang akan datang serta membolehkan seseorang itu mengenali latar belakang masyarakatnya dengan lebih jelas. Penyataan tersebut menjelaskan tentang kepentingan mata pelajaran Sejarah kepada generasi sekarang atau dalam aspek pendidikan adalah penekanan terhadap penghayatan pada murid agar mengenali latar belakang Sejarah Malaysia.

Pengetahuan yang diperoleh hasil dari pembelajaran Sejarah Malaysia dan dunia, murid dapat memahami lebih mendalam bagaimana kewujudan Malaysia, asal-usul masyarakat dan hubungan dengan Sejarah luar negara. Setelah Malaysia mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 mata pelajaran Sejarah sekali lagi mengalami perubahan iaitu kandungannya telah di rangka semula yang berobjektifkan ke arah pembinaan dan penyatuan bangsa Malaysia. Objektif ini lebih menumpukan aspek





permufakatan antara kaum di Malaysia. Bagi sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian kaum seperti Malaysia, perpaduan nasional iaitu kesepaduan antara kaum adalah elemen yang paling sukar dalam proses pembinaan negara bangsa. Dasar Pendidikan Kebangsaan (1961) telah menyatakan bahawa mata pelajaran Sejarah sebagai satu landasan dalam merealisasikan hasrat ke arah pembentukan negara bangsa. Mata pelajaran Sejarah juga merupakan sumber dalam mendidik murid ke arah bersifat lebih bertolak ansur, kesedaran tentang latar belakang Sejarah dan memupuk sifat rasa tanggungjawab terhadap negara. Dalam memartabatkan lagi Sejarah YAB Tan Sri Muhyiddin bin Yassin telah mengumumkan dalam Persidangan Dewan Negara pada 16 Disember 2010 bermula tahun 2013, mata pelajaran Sejarah telah dijadikan mata pelajaran teras sebagai mata pelajaran wajib lulus pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini menunjukkan keterujaan kerajaan dalam memastikan generasi kini



menengali Sejarah kerana Sejarah adalah merupakan identiti negara. Bagi memantapkan lagi mata pelajaran Sejarah unsur sivik juga telah diterapkan dalam kandungan Sejarah supaya murid mampu menghayati kepentingan sejarah kepada mereka. Antara matlamat pembelajaran Sejarah adalah untuk memupuk semangat cintakan negara dan bangga menjadi rakyat Malaysia.

Dalam usaha mentransformasikan sistem pendidikan sedia ada ke sistem yang lebih afektif, kementerian khususnya telah melaksanakan satu pendekatan iaitu melatih setiap murid dengan kemahiran baru dan terkini dalam mendepani cabaran dalam abad 21 ini. Menurut Menteri Pendidikan Malaysia, YAB Tan Sri Dato Hj. Muhyiddin Yassin dalam teks ucapannya berkaitan laporan awal pelaksanaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, menjelaskan bahawa sistem pendidikan Malaysia yang ada pada masa kini mampu dalam melahirkan generasi yang mempunyai



pemikiran yang inovatif, berpengetahuan tinggi dan mempunyai kemahiran dalam apa jua bidang termasuk kebijaksanaan komunikasi pada peringkat global.

Guru merupakan tunjang dalam mendidik generasi muda menjadi individu yang berpengetahuan dan berkemahiran yang tinggi dalam menyumbang ke arah negara maju. Sebagai negara yang mempunyai kepelbagaian kaum, jati diri setiap rakyat terhadap negara perlu diterapkan kepada semua lapisan rakyat Malaysia, perkara ini bermula di peringkat persekolahan. Guru adalah aset sebagai penyampai sebarang maklumat kepada pelajar dan sekali gus pembentuk generasi yang akan mendepani cabaran akan datang. Oleh itu guru seharusnya bersedia dalam aspek pengajaran khususnya mata pelajaran Sejarah. Menurut Ahmad Zanzali (2010) seorang guru perlu menguasai isi kandungan mata pelajaran yang mereka ajar serta menguasai juga pedagoginya agar berkesan di dalam pengajaran. Terdapat banyak pandangan tentang pengajaran berkesan. Menurut Dunne. R dan Wragg. T (1994) pengajaran berkesan adalah apabila seorang guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang dalam bidang kerjayanya. Penyataan tersebut menekankan pengajaran yang berkesan adalah apabila guru menguasai kandungan pengajaran, mempunyai keupayaan dalam kaedah mengajar mengikut kesesuaian dan tahap pelajar, guru juga bersedia dari aspek penyampaian yang mampu memberi pemahaman kepada murid. Manakala menurut Leblanc (1998) pengajaran berkesan adalah merujuk kepada sifat guru yang sentiasa mengambil berat terhadap murid, penyayang, sentiasa menyokong murid dalam pembelajaran, dan berpengetahuan tinggi dalam mata pelajaran yang diajar. Hunter (1995), pengajaran yang berkesan adalah yang mampu meningkatkan keupayaan pembelajaran dalam diri murid dan disokong oleh Cruickshank (1995) guru yang berkesan adalah yang mampu membantu murid.



Berdasarkan pandangan yang telah dikemukakan oleh penyelidik-penyalidik sebelum ini terdapat persamaan pada maksud berkenaan dengan pengajaran berkesan seperti yang telah dijelaskan oleh Cruickshank dan Hunter yang mana pengajaran berkesan mampu meningkatkan pencapaian murid. Oleh yang demikian dapat dirumuskan pengajaran yang berkesan adalah merujuk kepada tahap kemampuan guru dalam menghasilkan suasana pembelajaran yang harmoni bagi menggalakkan murid untuk terus belajar. Keupayaan guru dalam mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran, penggunaan bahan bantu mengajar, dan kemahiran melaksanakan pelbagai aktiviti dalam pengajaran mampu menghasilkan pembelajaran yang berkesan. Dalam hal ini, guru seharusnya merancang tajuk pembelajaran sebelum memulakan proses pengajaran, objektif yang telah ditentukan, isi kandungan pengajaran, kaedah penyampaian dan penilaian yang relevan dengan kebolehan pelajar dan minat mereka,

tujuannya adalah agar sesi pembelajaran boleh menjadi suatu yang bermakna.



Masalah berlaku apabila Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) pada 26 April 2010, berlaku kekurangan guru dalam opsyen Sejarah iaitu seramai 1,321 orang. Perkara ini menjadi tumpuan semua pihak yang menumpukan kepada keupayaan guru Sejarah dalam merealisasikan hasrat ini. Kemampuan guru akan dipertikaikan jika terdapat kegagalan pada murid dalam peperiksaan atau keputusan yang kurang memuaskan dan murid tidak dapat menguasai keseluruhan kandungan mata pelajaran Sejarah yang telah diajar, tambahan pula apabila Sejarah menjadi salah satu mata pelajaran teras dan wajib lulus dalam SPM mulai tahun 2013. Keadaan ini akan berlaku jika murid dilihat lemah dalam menguasai pembelajaran Sejarah perkara ini akan dikaitkan dengan pelbagai permasalahan antaranya pengajaran yang dilaksanakan oleh guru bukan kerana guru opsyen yang tidak mencukupi. Akibatnya akan memberi kesan





kepada guru, guru tidak berupaya mewujudkan suasana pembelajaran yang berkualiti dan menarik. Guru yang diminta mengajar bukan bidang pengkhususannya tidak menguasai isi kandungan pelajaran bagi subjek tersebut. Secara dasarnya guru hanya mempunyai kepakaran dalam bidang pengkhususannya sahaja. Jika guru diberi mata pelajaran yang selari dengan pengkhususan atau opsyen maka isu berkaitan dengan tahap kesukaran dalam penyampaian guru tidak akan wujud. Masalah pengajaran guru tidak mengikut bidang pengkhususan, menyebabkan guru merasa tertekan kerana guru perlu mempelajari semula isi kandungan pelajaran baru untuk mendapat penguasaan terhadap mata pelajaran baru. Guru yang mengajar mata pelajaran bukan bidang ini juga merasakan ini satu bebanan tugas bukannya sebagai satu tanggungjawab. Menurut Carroll (1963, 1989), Slavin (1987), Gage serta Berliner (1992) mereka merumuskan pengajaran yang berkualiti berlaku apabila guru mampu mengawal bilik darjah dan murid terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran.



Jika kawalan guru lemah dan penyampaian yang tidak jelas dan menarik akan menyebabkan murid mudah merasa bosan dalam pengajaran guru. Kaedah pengajaran guru yang tidak menarik minat murid, perkara ini akan berlaku sekiranya guru tidak memiliki kemahiran dalam mata pelajaran tersebut. Hal ini juga menyebabkan guru kurang keyakinan dengan pengajaran yang disampaikan kepada murid. Menurut Caine & Caine (1994) pembelajaran wujud apabila apa yang diajar itu memberi maksud dan kefahaman kepada murid. Pembelajaran tidak akan memberi sebarang kesan jika pengajaran guru tidak memberi makna kepada murid. Kesannya akan melibatkan penurunan prestasi murid dalam mata pelajaran Sejarah. Disebabkan itu, murid akan beranggapan mata pelajaran Sejarah adalah suatu yang sukar kerana mereka tidak boleh menguasai mata pelajaran Sejarah dengan sepenuhnya. Perkara ini akan memberi





kerugian kepada murid, akhirnya mereka akan hilang minat terhadap mata pelajaran Sejarah.

Langkah bagi menyelesaikan masalah ini dari segi aspek kekurangan guru dan *mismatch* dalam opsyen Sejarah ini KPM telah berusaha dalam melaksanakan intervensi jangka pendek bagi melatih guru bukan opsyen iaitu Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) bagi mata pelajaran yang kritikal dan salah satunya adalah mata pelajaran Sejarah. Usaha yang dijalankan ini adalah untuk meningkatkan keupayaan guru dari aspek ilmu pengetahuan, menguasai kemahiran pedagogi Sejarah dan menguasai kandungan kurikulum secara keseluruhannya. Program ini telah mendapat kerjasama sepenuhnya dari Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA). IPTA adalah penyedia latihan yang melatih guru-guru bukan opsyen ini. IPTA telah menggubal kurikulum pelaksanaan program ini dan PITO ini telah bermula sejak 2011 hingga kini. Program ini dilaksanakan adalah selama 12 minggu bagi melatih guru bukan opsyen ini. Program ini juga adalah merupakan program di bawah bidang keberhasilan negara NKRA dalam bidang pendidikan. Hasrat dari program ini agar guru bukan opsyen ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran agar guru Sejarah ini dapat mengajar dengan lebih berkesan. Program ini juga bertujuan meningkatkan profesionalisme guru dan kualiti guru.

Bagi memastikan kejayaan program ini maka penilaian ini dijalankan untuk melihat Impak Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) dalam kalangan guru yang mengajar Sejarah bukan opsyen yang telah mengikuti program ini bermula 2011 sehingga 2013. Tumpuannya kepada aspek sumber, input, kepuasan guru, keupayaan aktiviti dalam PITO Sejarah yang mampu memberi impak kepada guru. Diharap dengan





penilaian PITO Sejarah ini dapat mengukuhkan lagi tahap kejayaan usaha KPM dalam mempertingkatkan kualiti guru bukan opsyen melalui pendekatan-pendekatan latihan yang berkualiti. Penyelidik akan menilai aspek pelaksanaan dan hasil bagi memastikan PITO Sejarah berkemampuan dalam melahirkan guru yang berkualiti.

1.3 Permasalahan Kajian

Mismatch atau salah padanan opsyen guru atau guru luar bidang adalah bermaksud guru yang tidak mempunyai pengkhususan mata pelajaran dari segi major ataupun minor dalam mata pelajaran yang sedang diajar. Guru yang terlibat diminta untuk mengajar mata pelajaran bukan opsyen atau bidang pengkhususan setelah mendapat penempatan

di sekolah. Mantan Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein (2006) telah membuat satu kenyataan berhubung reaksi kepada rungutan bahawa wujudnya

masalah kekurangan guru. Beliau juga menyatakan bahawa isu kekurangan guru berlaku kerana terdapat lebihan 6,000 orang guru yang mengajar tidak mengikut opsyen akibat dari penempatan guru yang tidak seimbang antara bandar dan luar bandar. Menurut beliau lagi berdasarkan laporan yang telah diterima terdapat lebihan pada bilangan guru yang ditempatkan di kawasan bandar berbanding luar bandar. Oleh itu, terdapat jurang lebihan guru di kawasan bandar dan berlaku kekurangan guru di kawasan luar bandar. Banyak kajian yang telah dijalankan dan hasil dapatan dari kajian-kajian tersebut memberi gambaran bahawa isu pengajaran guru bukan opsyen atau di luar bidang memberi kesan negatif terhadap profesi keguruan khususnya menjurus kepada profesionalisme guru. Isu ini telah dikenal pasti pada tahun 2006 kesan daripada rungutan pelbagai pihak terhadap isu tersebut dan berlarutan hingga kini.





Kekurangan guru opsyen dalam mata pelajaran Sejarah juga adalah merupakan satu perkara yang membimbangkan. Perkara ini telah dibuktikan berdasarkan data dari Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia pada 26 April 2010 terdapat kekurangan seramai 1,321 orang guru Sejarah Sekolah Menengah di seluruh negara. Masalah ini akan memberi kesan kepada guru yang diminta mengajar Sejarah tetapi tidak mempunyai latar belakang pendidikan Sejarah. Menurut kajian Satute (2003), keupayaan dalam menguasai ilmu pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam mata pelajaran yang diajar adalah merupakan fokus utama guru. Penyataan tersebut disokong oleh Siti Salwa (2014) apabila berlakunya pengajaran yang tidak mengikut pengkhususan ini, guru tidak dapat mengaplikasikan kandungan pengajaran dengan berkesan dan berkualiti kerana guru tidak memahami isi kandungan mata pelajaran untuk mengajar mata pelajaran tersebut guru hanya mempunyai kemahiran berkaitan pengkhususannya sahaja. Menurut beliau lagi masalah akan selesai jika guru diminta mengajar mengikut bidang pengkhususan atau opsyennya sahaja.

Kesan atau impak yang ketara juga boleh dilihat kepada murid. Menurut Mohammad Aziz Shah (2014) pelajar kebanyakannya mempunyai minat untuk belajar sekiranya guru memainkan peranan yang penting dalam sesbuah kelas. Guru yang kreatif dalam melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dengan menyediakan kaedah-kaedah yang sesuai merupakan seorang guru yang baik dalam proses meningkatkan minat murid itu sendiri. Shulman (1986) berpendapat pengetahuan pedagogi dan kandungan menjadi teras pengetahuan guru yang terpenting. Oleh kerana itu, guru yang tidak mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam mata pelajaran Sejarah seperti guru bukan opsyen sudah tentulah tidak yakin dengan





pengajaran yang disampaikan oleh mereka kerana kurangnya penguasaan dalam isi kandungan mata pelajaran Sejarah. Murid akan mula hilang keyakinan pada penyampaian guru dalam pengajaran tersebut. Seterusnya, situasi ini akan memberi kesan kepada pencapaian murid dalam mata pelajaran Sejarah.

Carbo et al.(1992), menjelaskan murid boleh mempelajari sesuatu dengan berkesan apabila guru menggunakan strategi pembelajaran yang sesuai. Paling mendukacitakan adalah jika guru bukan opsyen yang diminta mengajar mata pelajaran yang di luar kemampuan guru tersebut, kaedah pengajaran yang disampaikan akan hanya mengikut buku teks dan tiada variasi dalam kaedah pengajaran dan pembelajaran. Sedikit demi sedikit akan mengikis minat murid terhadap mata pelajaran Sejarah . Ini bertepatan dengan pandangan Azwani (2013) pembelajaran yang berkesan akan melahirkan pelajar yang celik sejarah, sentiasa menunjukkan sifat positif, kemahiran komunikasi sesama rakan, daya pemikiran yang tajam dan seterusnya boleh mengaplikasikan kehidupan seharian daripada pengalaman sejarah. Oleh itu adalah menjadi satu keperluan guru yang mengajar mata pelajaran bukan opsyen ini diberi pendedahan serta latihan yang boleh meningkatkan keupayaan dan kemahiran guru tersebut.

Masalah salah padanan opsyen atau bidang ini telah dikenal pasti sejak 2006 lagi dan pelbagai pihak memainkan peranan agar perkara ini dapat diatasi. Antaranya Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). IPTA dan IPGM telah menambah bilangan pengambilan calon guru Sejarah IPTA bagi Sekolah menengah dan IPGM sekolah rendah tetapi sehingga kini keperluan tersebut belum dipenuhi. KPM juga telah





melaksanakan satu program dalam mengatasi isu salah padanan ini. Program yang dilaksanakan oleh KPM ialah satu intervensi yang dikenali sebagai Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO). Program ini adalah merupakan program latihan jangka pendek yang memberi penekanan terhadap pengetahuan, kemahiran guru serta memberi tambahan opsyen kepada guru bukan opsyen yang sedang mengajar mata pelajaran Sejarah. Latihan ini adalah merupakan inisiatif KPM dalam mengurangkan salah padanan guru dan meningkatkan kualiti guru bukan opsyen. Program ini dilaksanakan mulai 2011 hingga kini dengan kerjasama IPTA di bawah kendalian Majlis Dekan Pendidikan IPTA. Program ini menyasarkan kepada guru yang mengajar bukan opsyen Sejarah.

Bagi melihat dengan lebih jelas isu guru bukan opsyen ini penyelidik telah

PITO Sejarah yang terdiri dari pebagai sekolah menengah sekitar Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Putrajaya. Dirumuskan hasil temubual tersebut adalah pelaksanaan program PITO ini adalah merupakan suatu perkara yang sangat baik dalam menghasilkan peningkatan profesionalisme terhadap guru bukan opsyen ini. Menurut mereka lagi, pengajaran mata pelajaran bukan opsyen ini juga adalah merupakan perkara yang sangat menyukarkan kerana guru-guru ini memerlukan masa dalam memahami dan menguasai konsep mata pelajaran yang baru, selain itu juga pengajaran bukan opsyen merupakan perkara yang boleh menyumbang kearah penurunan produktiviti dalam pengajaran guru terhadap mata pelajaran Sejarah kerana kegagalan penguasaan guru dalam beberapa elemen seperti kefahaman, kemahiran, kepuasan dan minat terhadap mata pelajaran tersebut. Kaedah yang sering digunakan oleh mereka juga kurang dipelbagaikan dan kebanyakannya hanya tertumpu kepada pengajaran





menggunakan buku teks sahaja. Merujuk hasil temubual tersebut jelas mengambarkan kegusaran guru bukan opsyen ini dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (pdp) dalam mata pelajaran Sejarah ini.

Berdasarkan kepada temu bual penyelidik bersama dengan Encik Shaharizan bin Shamsuddin selaku Penolong Pengarah di Sektor Kompetensi Pembelajaran dan Pengajaran, Bahagian Pendidikan Guru, KPM pada 22 Jun 2015, beliau adalah merupakan penyelaras bagi program ini telah memaklumkan bahawa pelaksanaan program yang bermula pada 2011 sehingga kini. Beliau juga memaklumkan bahawa pelaksanaan PITO Sejarah sekolah menengah hanya dilaksanakan di IPTA, Beliau juga menjelaskan setakat ini penilaian impak bagi melihat hasil jangka panjang berkenaan pelaksanaan PITO belum lagi dilaksanakan. KPM khususnya BPG hanya laksanakan



Menurut Abdul Rahim (2007), penilaian adalah bertujuan sebagai alat dalam membuat keputusan bagi menentukan keberkesanan sesuatu aktiviti pengajaran yang telah dirancang dan dilaksanakan. Manakala Scriven (1974) pula mengatakan bahawa penilaian adalah usaha dalam mengumpul dan menggabungkan data dari sesuatu tindakan serta mengaitkannya dengan objektif yang telah ditetapkan untuk dibuat perbandingan sama ada selari atau bertentangan. Oleh yang demikian, berdasarkan kedua-dua dapatan di atas jelas menyatakan keperluan dan kepentingan penilaian ke atas sesuatu program latihan. Setakat ini tidak ada sebarang penilaian program secara menyeluruh ke atas PITO Sejarah ini dijalankan, maka menjadi satu keperluan penilaian dilaksanakan bagi melihat keberkesanan PITO kepada guru bukan opsyen ini, berikutnya PITO ini adalah satu-satunya inisiatif KPM dalam memberi pendedahan dari





aspek kemahiran dan pengetahuan kepada guru bukan opsyen Sejarah dan memberi opsyen tambahan kepada guru serta mengurangkan salah padanan opsyen guru Sejarah. Bagi melaksanakan kajian ini, penyelidik menggunakan dua penilaian impak sebagai rujukan dan panduan dalam melaksanakan penilaian PITO antaranya adalah Kajian Impak Latihan Pelaksanaan Latihan Guru Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Mata Pelajaran Sejarah (2014) dan Kajian Impak Latihan Guru Prasekolah Kebangsaan untuk semua guru prasekolah. Bahagian Pendidikan Guru (2013) penilaian impak tersebut menilai aspek pengetahuan, kemahiran, kepuasan dan keberkesan latihan.

PITO ini merupakan satu intervensi atau latihan yang dilaksanakan bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru bukan opsyen Sejarah. Menurut

Oxford Advanced Learner's Dictionary (2003), latihan dimaksudkan sebagai satu proses pembelajaran kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh seseorang untuk menjalankan tugasnya. Wood dan Thompson (1998) menyatakan program latihan adalah bertujuan untuk menambahkan tingkat pengetahuan dan kemahiran baru di kalangan guru sekolah yang tertumpu pada perancangan dan kesediaan pengajaran, latihan dan penilaian ke atas program latihan. Walau bagaimanapun, latihan yang dibentuk memerlukan kandungan penyampaian latihan yang baik. Menurut Joyce dan Calhoun (1999) program pembangunan staf (latihan) perlu direka bentuk dengan berhati-hati sebagai program yang boleh memberi implikasi kepada murid dan jika perkara itu tidak berlaku ia adalah sesuatu yang serius. Penyataan tersebut disokong oleh Wood dan Thompson (1980) terdapat banyak program yang dijalankan tidak berkesan, membazirkan wang dan hanya membuang masa. Berdasarkan penyataan tersebut jelas menyatakan aspek utama latihan adalah berobjektifkan peningkatan





pengetahuan dan kemahiran guru tetapi terdapat juga latihan yang tidak menyumbang kepada hasil yang positif malah ia menjadi sumber pembaziran pada organisasi, kesediaan perancangan latihan adalah amat penting dalam memastikan kejayaan latihan tersebut.

Tujuan dalam mengenal pasti keperluan latihan adalah untuk memastikan latihan yang hendak dijalankan adalah sesuai dengan individu yang ingin dilatih dan organisasi itu sendiri, penilaian keperluan latihan ini perlu dilaksanakan dengan sistematik supaya latihan yang dilaksanakan memberi kesan kepada organisasi dan individu yang terlibat berjaya mengaplikasikan latihan yang diberi (Blanchard dan Thacker serta DeSimone dan Harris, 1998). Oleh itu menjadi satu kepentingan melaksanakan penilaian bagi melihat sama ada PITO Sejarah yang dilaksanakan ini boleh dijadikan sebagai sumber latihan yang memberi kesan kepada guru bukan opsyen ini. Hasil dari penilaian tersebut, penilai boleh membuat pertimbangan untuk penambah baikkan terhadap program/latihan tersebut. Penyataan ini juga disokong bahawa penilaian konteks adalah merupakan kaedah mengenal pasti populasi sasaran dan menilai sejauh mana keperluannya serta mengenal pasti peluang-peluang untuk menangani keperluan dan menilai masalah yang terdapat pada keperluan tersebut (Stufflebeam, 2007). Oleh itu penyelidik akan menilai konteks PITO dalam aspek populasi sasaran iaitu guru yang terlibat dan faktor guru mengikuti PITO Sejarah ini. Menurut Lokman (2011) menyatakan bahawa penilaian ke atas program adalah untuk mengesan perkara-perkara yang boleh diperbaiki dan ditingkatkan aspek kualitinya.





Kepelbagaiannya aktiviti dilaksanakan dalam PITOs Sejarah ini berdasarkan maklumat yang diterima oleh penyelidik dari sumber (BPG 2015), program yang diadakan selama 12 minggu ini mempunyai pecahan aktiviti antaranya pengajaran kaedah pengkuliahan, latihan amali, latihan dalam kumpulan (LDK), pembelajaran dalam talian (*online*) dan pentaksiran (peperiksaan akhir). Tetapi seperti yang telah dimaklumkan setakat ini tidak ada penilaian dijalankan dalam mengukur sejauh mana setiap aktiviti itu memberi kesan kepada guru bukan opsyen ini. Menurut Fisher C.D et al. (1990) menyatakan penilaian adalah proses bagi menentukan sejauh mana setiap aktiviti latihan yang telah dijalankan mampu mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh itu penilaian terhadap aktiviti PITOs Sejarah ini adalah merupakan antara keperluan bagi melihat sejauh mana setiap aktiviti yang telah dilaksanakan dalam PITOs Sejarah ini mampu memberi kesan kepada guru yang telah mengikutinya. Adakah semua aktiviti yang dilaksanakan menghasilkan output yang positif atau sebaliknya.



Penilaian PITOs Sejarah ini dilaksanakan adalah bertujuan melihat hasil pelaksanaan terhadap program PITOs Sejarah kepada guru yang telah mengikutinya. Penilaian ini juga menumpukan salah satu aspek iaitu kepuasan pengajaran guru dalam bilik darjah setelah mengikuti PITOs ini. Menurut Tyson dan York (1982) antara kesan latihan antaranya ialah meningkatkan kepuasan, motivasi dan semangat kerja. Berdasarkan pernyataan ini aspek kepuasan adalah impak dari latihan yang boleh terhasil dari latihan, oleh yang demikian penyelidik juga berhasrat untuk melihat sejauh mana tahap kepuasan guru yang telah mengikuti PITOs ini terhadap pembelajaran bilik darjah. Tetapi menurut pandangan Pearson & Moomaw (2005) dan Ingersoll (2001) kepuasan bekerja guru bukan sahaja tertumpu dalam bilik darjah tetapi ia juga berkait rapat dengan penglibatan dalam membuat keputusan, autonomi yang tinggi di tempat






kerja, keadaan persekitaran tempat bekerja dan peningkatan pencapaian murid. Penyataan tersebut adalah berbeza dari penyataan sebelum ini maka dilihat terdapat percanggahan dapatan di antara pengkaji tersebut. Berdasarkan jurang perbezaan tersebut penyelidik perlu membuat penilaian bagi menilai sama ada kepuasan pengajaran guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah berhasil setelah mengikuti PITO.

Justeru, kajian ini perlu dilaksanakan bagi menilai sama ada PITO Sejarah ini merupakan program yang memberi hasil atau impak kepada guru bukan opsyen Sejarah. Secara keseluruhan dari aspek yang ditumpukan ini penyelidik akan mengenal pasti impak PITO bagi guru bukan opsyen Sejarah di sekolah menengah. Penyelidik akan melaksanakan penilaian dengan cara yang bersistematis iaitu dengan menggunakan model teori penilaian CIPP (*Context, Input, Process, Product*) yang telah diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam dalam proses Penilaian Impak Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Dalam Kalangan Guru Bukan Opsyen Sejarah Sekolah Menengah.





1.4 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual Penilaian Impak Program Intervensi Tambah Opsyen (Pito) Sejarah Dalam Kalangan Guru Bukan Opsyen di Sekolah Menengah (Diubahsuai dari model penilaian CIPP oleh Stufflebeam et al., 1967)





1.5 Objektif Kajian

Penilaian ini dijalankan bagi menilai impak Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) dalam kalangan guru bukan opsyen Sejarah di sekolah menengah. Penilaian ini dijalankan bagi mengenal pasti PITO Sejarah ini membekalkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan ilmu Sejarah bagi membolehkan guru Sejarah bukan opsyen mengajar dengan berkesan. Seperti yang telah dijelaskan oleh Gay (1985) dalam Bhasah (2009), penilaian merupakan proses atau langkah yang dilaksanakan secara sistematik dalam mendapatkan data dan menganalisis data bagi menentukan sama ada matlamat yang telah ditetapkan tersebut dapat dicapai ataupun tidak. Oleh itu antara objektif kajian ini ialah:



1. Menilai keperluan latihan guru dalam Program Intervensi Tambah Opsyen Sejarah (PITO) Sejarah.
2. Menilai pengetahuan guru berhubung objektif pengajaran mata pelajaran Sejarah selepas menghadiri Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).
3. Menilai kemahiran guru dalam pengajaran dan pembelajaran (pdp) mata pelajaran Sejarah selepas menghadiri Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO).





4. Menilai aktiviti-aktiviti dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang meningkatkan pengetahuan guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.
5. Menilai aktiviti-aktiviti dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang meningkatkan kemahiran gurudalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah.
6. Menilai kepuasan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (pdp) mata pelajaran Sejarah setelah mengikuti PITO.



Berdasarkan objektif kajian ini berikut adalah soalan-soalan yang perlu dijawab pada akhir kajian ini:

1. Apakah keperluan latihan guru dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Sejarah?
2. Apakah tahap pengetahuan berhubung objektif pengajaran dan pembelajaran (pdp) mata pelajaran Sejarah) guru yang mengikuti Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)?



3. Apakah tahap kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran (pdp) mata pelajaran Sejarah guru yang mengikuti Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO)?
 4. Apakah aktiviti-aktiviti dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang menyumbang pengetahuan guru dalam merancang pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah?
 5. Apakah aktiviti-aktiviti dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) yang menyumbang kepada kemahiran guru dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah?
- 05-4506832 6. Apakah tahap kepuasan guru melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (pdp) mata pelajaran Sejarah setelah mengikuti PITO?

1.7 Kepentingan Kajian

Kajian yang dilaksanakan ini adalah satu usaha yang penting kerana ia dapat memberi gambaran yang lebih jelas tentang program intervensi tambah opsyen kepada guru Sejarah bukan opsyen. Hasil dapatan ini akan dapat membantu pihak yang berkepentingan dalam melaksanakan penambahbaikan lagi pelaksanaan PITO Sejarah terhadap guru-guru bukan opsyen. Hasil kajian ini dapat memberi gambaran sebenar sama ada berjaya atau tidak program ini dalam menyelesaikan isu salah padanan dan



peningkatan kualiti guru kepada guru Sejarah bukan opsyen. Hasil kajian ini memberi kepentingan kepada:

1. Guru Sejarah bukan opsyen adalah membawa maksud guru atau pendidik yang tidak mempunyai sebarang kelayakan yang berbentuk sijil dari segi minor atau major dalam mata pelajaran Sejarah. Oleh yang demikian semestinya setiap guru inginkan mengajar dalam mata pelajaran opsyen atau bidang mereka di sekolah. Perkara ini sekali gus mampu memberi kepuasan dalam diri pendidik sekali gus memberi impak positif dalam pengajaran mereka. Program Intervensi Tambah Opsyen ini adalah menyumbang ke arah melahirkan guru yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang baharu, secara tidak langsung menjadi pendorong kepada guru bukan opsyen atau bidang ini menjadi lebih kreatif serta bersemangat dalam bidang baharu mereka. Kajian yang dijalankan ini diharapkan dapat memastikan bahawa program ini memberi peningkatan kemahiran dan kepakaran kepada guru bukan opsyen Sejarah.
2. Kajian yang dilaksanakan ini, diharap dapat membantu dan memberi manfaat kepada pihak sekolah khususnya. Ini kerana melalui program ini guru dapat mengajar Sejarah keseluruhan silibus dengan baik dan elemen pengolahan dapat dilakukan dengan sempurna. Justeru, pembelajaran dan pengajaran yang diberikan kepada guru-guru yang benar-benar mahir akan memberi impak yang besar kepada keputusan peperiksaan murid-murid. Ini juga akan menyebabkan peratusan sekolah meningkat dan Gred Purata Sekolah (GPS) akan lebih mengecil. Hasil daripada kajian ini, diharapkan pihak sekolah akan memastikan





guru yang telah mengikuti PITO di agihkan mengikut mata pelajaran yang di telah diberi opsyen.

3. Kajian juga diharap dapat memberi pendedahan kepada penyelidik sendiri berkaitan program ini dengan lebih jelas, di samping itu juga penyelidik akan dapat memperolehi pelbagai maklumat yang berkaitan program dan juga kekangan yang dihadapi oleh guru-guru yang sedang mengajar mata pelajaran bukan opsyen di sekolah.
4. Dapatan ini juga diharap dapat membantu Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan program ini dapat menyelesaikan isu guru Sejarah bukan opsyen dan sekali gus mempertingkatkan kualiti guru bukan opsyen bersesuaian dengan matlamat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025) iaitu dalam anjakan empat Transformasi Keguruan Sebagai Profesional Pilihan.
5. Kajian ini juga adalah suatu yang penting yang boleh dijadikan sebagai bahan rujukan dan panduan kepada penyelidik-penyelidik lain dalam membuat kajian lanjutan tentang pelaksanaan PITO Sejarah dalam kalangan guru bukan opsyen. Ia juga memberi peluang untuk penyelidik melihat secara lebih terperinci tentang program ini.

Kesimpulannya, usaha murni ini dapat memberi sumbangan idea, informasi dan gambaran yang lebih jelas kepada semua pihak yang berkepentingan secara langsung dan tidak langsung. Adalah diharapkan semua pihak bersepaktu menyediakan satu



mekanisme dalam membangunkan dan membina kualiti guru bukan opsyen Sejarah untuk menjadi guru yang hebat dan berwibawa. Seterusnya, kajian ini diharap dapat mengubah paradigma terhadap kepentingan program latihan khususnya PITO ini dalam meningkatkan kualiti diri dan kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran guru bukan opsyen Sejarah ini dan sekali gus meningkatkan pencapaian taraf pendidikan negara.

1.8 Limitasi Kajian

Kajian ini adalah terhad kepada batasan kajian seperti berikut:



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

1. Kajian ini merupakan kajian deskriptif kuantitatif terhadap impak Program Intervensi Tambah Opsyen Sejarah terhadap guru bukan opsyen yang telah mengikuti program ini.
2. Kumpulan sasaran dalam penilaian ini melibatkan guru-guru bukan opsyen Sejarah yang telah mengikuti Program Intervensi Tambah Opsyen Sejarah di antara tahun 2011 hingga 2013.
3. Saiz kajian sampel ini melibatkan 247 orang guru yang telah mengikuti PITO Sejarah ini. Saiz sampel yang ditentukan berdasarkan Jadual Krejcie dan Morgan (dalam Sekaran 2003). Pemilihan sampel dibuat secara berstrata



dengan mengambil kira bilangan guru bukan opsyen Sejarah ini mengikut zon dan negeri.

4. Kajian ini ditadbir dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian utama. Soal selidik kajian yang digunakan adalah dijana dari kajian Impak Pelaksanaan Latihan Guru Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Mata Pelajaran Sejarah dan olahan sendiri. Kesahan serta kebolehpercayaan telah disemak oleh pakar-pakar.
5. Oleh kerana populasi kajian ini terdiri daripada guru bukan opsyen Sejarah yang telah mengikuti PITO di Malaysia, maka infrensi dan generalisasi melibatkan guru bukan opsyen di sekolah-sekolah KPM sahaja. Dapatan kajian ini bergantung pada kejujuran responden memberi respons terhadap pernyataan-penyataan yang dikemukakan dalam soal selidik kajian.
6. Kajian ini hanya melihat impak terhadap program intervensi tambah opsyen (PITO) kepada guru-guru yang telah mengikuti PITO Sejarah sahaja tanpa melihat impak kepada murid, ibubapa, dan lain-lain.





1.9 Definisi Operasional

1.9.1 Penilaian

Tyler (1950), menjelaskan bahawa penilaian merupakan satu proses dalam menentukan sejauh manakah objektif sesuatu program dapat dicapai. Manakala Sax (1973) telah menjelaskan bahawa takrifan penilaian dirujuk sebagai satu proses yang mana penghakiman sesuatu nilai atau keputusan yang dibuat berdasarkan pemerhatian, latar belakang dan latihan yang dimiliki oleh seseorang penilai. Penilaian adalah merujuk kepada proses yang dilakukan untuk menilai dan membuat keputusan tentang sesuatu dan ia juga boleh bermaksud pentaksiran. Dalam kajian ini penyelidik ingin membuat penilaian terhadap program, dan penyelidik juga akan membuat penilaian dengan menggunakan model-model penilaian yang boleh dijadikan panduan kepada pengkaji.

Penilaian dalam kajian ini adalah merupakan proses yang akan dilakukan bagi menilai program yang meliputi aktiviti, sumber, input Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) mata pelajaran Sejarah yang memberi impak atau kesan kepada guru bukan opsyen yang telah mengikutinya.





1.9.2 Impak

Menurut Zahir (2014) impak adalah impak merujuk kepada kesan ke atas sesuatu aspek akibat daripada pembangunan. Definisi operasi impak dalam kajian ini membawa maksud hasil yang bakal dinilai dari Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Sejarah ini. Impak yang ingin dilihat adalah dari aspek perubahan yang berlaku kepada guru dengan menggunakan model CIPP yang telah diperkenalkan oleh Daniel Stuffleabem (1967) yang memfokuskan empat perkara dalam model penilaian iaitu konteks, input, proses dan produk. Impak yang dilihat adalah dari aspek konteks yang terdapat dalam Program Intervensi Tambah Opsyen (PITO) Sejarah. Input iaitu sumber yang terdapat dalam PITO Sejarah yang meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru. Proses merujuk

kepada aktiviti-aktiviti yang terdapat dalam PITO Sejarah yang meningkatkan pengetahuan dalam perancangan guru terhadap pdp mata pelajaran Sejarah dan kemahiran dalam melaksanakan pdp mata pelajaran Sejarah dan Produk adalah merujuk kepada kepuasan pengajaran guru yang telah mengikuti PITO Sejarah dalam mata pelajaran Sejarah

1.9.3 Guru Bukan Opsyen Sejarah

Definisi operasi guru bukan opsyen Sejarah adalah bermaksud guru-guru yang bukan dari bidang Sejarah dan tiada pengkhususan berkaitan mata pelajaran Sejarah serta tidak pernah didedahkan dengan mata pelajaran Sejarah sebagai major atau minor pada peringkat pengajian di Institut Pengajian Tinggi Awam





(IPTA) dan Institut Pendidikan Guru Kampus (IPGK). Walau bagaimanapun guru ini mengajar Sejarah di sekolah menengah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia. Guru-guru ini telah mengikuti PITO Sejarah.

1.9.4 Konteks

Merujuk pernyataan Warr, Bird dan Rackham (1970) penilaian konteks adalah melihat situasi dan keadaan organisasi, keperluan latihan dalam organisasi dan objektif latihan yang telah dirancang dan dilaksanakan. Penilaian konteks adalah keupayaan untuk menggambarkan secara terperinci pengaruh keperluan dalam sesuatu program (Arikunto dan Cepi Safrudin, 2009) . Dalam aspek kajian ini konteks adalah merujuk kepada sumber secara keseluruhannya dalam PITO yang dapat membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sejarah. Sumber yang dimaksudkan adalah merujuk kepada intipati ilmu pengetahuan dan kemahiran yang disampaikan dapat meningkatkan pengetahuan guru yang mengikuti program ini.

1.9.5 Input

Menurut Putro Widoyoko (2009), penilaian input membantu merancang penghasilan keputusan, menentukan sumber-sumber yang digunakan, alternatif yang harus diambil, kaedah bagi mencapai matlamat dan prosedur kerja untuk mencapai matlamat keseluruhannya. Dalam konteks kajian ini input adalah





merujuk kepada pusat pembelajaran, tenaga pengajar, alat bantu mengajar, bahan kuliah yang digunakan ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru yang mengikuti PITO Sejarah ini.

1.9.6 Sekolah Menengah

Sekolah menengah dalam kajian ini dirujuk sebagai sekolah yang menempatkan pelajar bermula dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Sekolah menengah dalam kajian ini hanya memfokuskan sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).



1.10 Kesimpulan

Kajian ini bertujuan untuk meninjau dan mendapatkan maklumat serta gambaran yang mendalam terhadap Program intervensi Tambah Opsyen (PITO) mata pelajaran Sejarah yang telah diikuti oleh guru yang mengajar Sejarah bukan opsyen. Oleh itu Model CIPP yang telah diperkenalkan oleh Daniel Stufflebeam (1967). Terdapat empat fasa dalam model ini iaitu konteks, input, proses dan produk yang akan digunakan dalam penilaian ini. Keempat-empat elemen tersebut adalah sangat penting dalam melihat pelaksanaan PITO Sejarah. Penilaian ini menumpukan secara keseluruhan tentang pentingnya program ini kepada guru bukan opsyen Sejarah di samping itu juga penilaian ini menilai sumber yang digunakan dalam program ini yang memberi kesan kepada guru, aktiviti yang dijalankan dan menilai tahap kepuasan guru setelah mengikuti PITO ini. Penilaian





ini akan cuba merungkai adakah pelaksanaannya memberi impak kepada guru bukan opsyen Sejarah yang telah mengikutinya. Semoga hasil dapatan dalam penilaian ini menyumbang kepada pelbagai pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung seperti guru, sekolah, JPN dan KPM dalam memartabatkan mutu pendidikan negara.

